

1983

KUALA LUMPUR, 16 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TAKTIK Mencari populariti melalui isu sensitif boleh melantun atau +BACKFIRE+ dan membawa kesan yang buruk.

Perdana Menteri menegaskan beliau sedar akan peranan isu-isu sensitif dalam usaha mencari populariti, tetapi dalam Malaysia, kita tidak dapat bercakap dengan satu kaum sahaja tanpa didengari oleh kaum lain.+

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Ke-31 MCA di Wisma MCA di sini, beliau menyebut tentang penentangan yang dibuat oleh setengah-setengah golongan terhadap perubahan yang dibuat akhir-akhir ini samada dari segi dasar pandang ke Timur, Persyarikatan Malaysia dan Pengswastaan, penerapan nilai-nilai mulia sejagat dan nilai-nilai Islam, kepimpinan melalui teladan, dan gerakan kebersihan dan pengindahan seluruh negara.

Katanya, sungguhpun pembaharuan itu bertujuan mengukuhkan ciri-ciri serta identiti bangsa Malaysia yang berkemampuan dan yang berketahanan, tetapi +PERKARA-PERKARA YANG BAIK, TIDAK SENANG DITERIMA ORANG BAHKAN SENTIASA ADA ORANG YANG MENENTANGNYA.+

Sayangnya antara yang menentang ada yang terdiri daripada mereka yang berkelayakan tinggi dan berpengalaman luas.

+SAYANGNYA MEREKA INI MEMBENARKAN NEGATIVISM MENGHALANG MEREKA DARIPADA MELIHAT DAN MENILAI Kebaikan-kebaikan sesuatu perubahan yang dianjurkan,+ TEGASNYA. -- LAGI 1312/MB

ICZC B565

PM - MCA 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

Perdana Menteri mengingatkan kalau diteliti dengan baik-baik dan dengan fikiran yang waras, perubahan-perubahan yang dianjurkan lebih banyak kebaikannya daripada keburukan.

begitu juga kalau diteliti dan difikirkan secara positif di antara keburukan ini banyak yang boleh diatasi dan ditukar untuk membawa manfaat.

+SEBAGAIMANA DENGAN KEPERCAYAAN KEPADA HANTU, JIKA KITA SELALU MEMBINCANG DAN MENGKHAYALKAN TENTANG HANTU, BUKAN SAHAJA KITA AKAN MENJADI TAKUT DAN LEMAH SEMANGAT, MALAH TIDAK MUSTAHIL KITA AKAN MENEMUI HANTU KHAYALAN KITA DI MANA-MANA SAHAJA.

+TENTULAH ORANG YANG BERKEADAAN SEPERTI INI TIDAK DAPAT MEMBUAT APA-APA KECUALI HIDUP DENGAN HANTU-HANTU BUATANNYA SENDIRI.+

Sebaliknya, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir, jika mereka tahu mereka tidak percaya kepada khayalan, mereka tidak takut melainkan kepada ancaman yang benar-benar nyata.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengulangi bahawa dalam negara yang demokratik seperti Malaysia, rakyat mempunyai banyak kebebasan tetapi kebebasan ini bukan untuk disalahgunakan oleh sesiapa bagi satu-satu kepentingan yang jelas bertentangan dengan kepentingan nasional.

+DI MALAYSIA DI MANA PENDUDUK TERDIRI DARIPADA BERBAGAI KAUM, BANYAK PERKARA SENSITIF, YANG JIKA TIDAK DIURUS DENGAN DIPLOMASI, AKAN MENCETUSKAN HURU-HARA. -- LAGI 1322/MB

PM - MCA 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BARISAN NASIONAL MEMPUYAI CARA-CARA DAN FORUM TERTENTU UNTUK MEMBINCANG MASALAH-MASALAH SENSITIF.

BEGITU JUGA KERAJAAN MEMPUYAI SALURAN DAN FORUM TERTENTU, TERUTAMA BAGI PARTI KOMPONENNYA UNTUK MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA YANG SENSITIF.

+MELALUI SALURAN DAN FORUM INI, PERBINCANGAN TANPA EMOSI BOLEH DIBUAT DENGAN SEGALA KERAGUAN, SALAH TAFSIRAN ATAU KESILAPAN DASAR BOLEH DIATASI.

+DENGAN INI RAKYAT TIDAK AKAN BERASA AGITATED, KESTABILAN POLITIK TIDAK AKAN TERGUGAT DAN PARA PENGUSAHA, PENIAGA DAN PELABUR TIDAK AKAN BERASA TERANCAM.+

BELIAU LALU MEMINTA MCA MENGGUNAKAN PERSPEKTIF YANG WAJAR UNTUK MENELITI ISU-ISU YANG DIPERSOALKAN DAN JANGAN DIBIARKAN SENTIMEN MENJEJASKAN PERHITUNGAN ANGGOTA PARTI DARIPADA MELIHAT SUDUT-SUDUT KEBAIKAN SESUATU USAHA YANG DIANJURKAN DENGAN TUJUAN-LAGI

KEBAIKAN.

+MUNGKIN ADA MEREKA YANG TIDAK INSAF DENGAN HAKIKAT INI. MUNGKIN ADA MEREKA YANG TERBAWA-BAWA OLEH EMOSI DAN SANGGUP MEMPERTARUNGAN NIKMAT KEAMANAN DAN KESTABILAN, SEOLAH-OLAH HURU-HARA DAN MALAPETAKA SUATAN MANUSIA TIDAK AKAN MENIMPA KITA.+

PERDANA MENTERI PERCAYA SELAGI ADA KUMPULAN, WALAU KECIL SEKALIPUN, YANG MEMANDANG RINGAN KEPADA PERPADUAN DAN KEHARMONIAN, RAKYAT HARUSLAH BERWASPADA KEADAAN MEREKA ADALAH SEPERTI KEADAAN +TELUR DI Hujung TANDUK.+

MEMANDANGKAN KEADAAN INI, BELIAU TIDAK MAHU ADA ORANG WARAS FIKIRAN YANG SANGGUP MENUKARKAN KEAMANAN DENGAN KEKACAUAN, KEMAKMURAN DENGAN KESUSAHAN, MASA DEPAN YANG PENUH HARAPAN DENGAN PENDERITAAN. -- LAGI 1338/MB

ZCZC 8567

PM - MCA 4 KUALA LUMPUR

BELIAU LALU MENGGESA MASYARAKAT NEGARA INI MENEGAKKAN PERPADUAN DAN KEHARMONIAN SEBAGAI FAKTOR UTAMA MEMANDANGKAN TANPA PERKARA ITU, BUKAN SAHAJA SUKAR UNTUK NEGARA MENCAPAI KEMAKMURAN DAN KEMAJUAN LEBIH TINGGI, BAHKAN KITA +MUNGKIN AKAN KEHILANGAN SEGALA-GALANYA.

+WALAU PUN NEGARA KITA MERUPAKAN SEBUAH NEGARA YANG MEMPUYAI BERBAGAI SUMBER KEKAYAAN DAN KITA MEMPUYAI POTENSI YANG BESAR UNTUK MENJADI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DALAM MASA YANG SINGKAT, INI SEMUA MUNGKIN MENJADI IMPIAN SEMATA-MATA JIKA KITA TIDAK MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PERPADUAN DAN KEHARMONIAN.+
BERNAMA 1344/MB